

Headline	Tanah di kawasan lombong bauksit boleh dipulihkan		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	20 Feb 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	45,554
Page No	A2	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	249 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,615
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,845



Tanah di kawasan lombong bauksit boleh dipulihkan

MENTERI Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata tanah di sekitar kawasan perlombongan bauksit boleh dipulihkan untuk aktiviti penanaman pada masa depan.

Bagaimanapun, rawatan tanah berkenaan boleh menjangkau sehingga tempoh 50 tahun sebelum ia dapat dipulihkan seperti sedia kala, katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Malaysia-Korea 'Healthy

River Basin' di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menjelaskan lanjut mengenai kaedah pemulihan berkenaan, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Datuk Seri Abd Rahman Abd Rahim berkata kawasan perlombongan bauksit yang menjalani rawatan perlu ditanam dengan tanaman menjalar seperti kekacang untuk tempoh yang lama.

"Ini kerana tanaman

menjalar boleh membantu meningkatkan kualiti tanah dan ia telah terbukti di Malaysia.

"Contohnya, ibu pejabat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kepong, telah menjalani rawatan yang sama kerana tanahnya merupakan kawasan bekas lombong sebelum ia dipulihkan semula sebagai kawasan hijau," katanya.

"Berkemungkinan ia akan ambil masa hingga

50 tahun sebelum semua kembali normal, tetapi untuk memulihkan tanah yang usang semangnya boleh," katanya.

Rabu lepas, Bernama melaporkan seorang Profesor Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkata ladang kelapa sawit di FELDA Bukit Goh, Bukit Kuantan, Bukit Sago dan Bukit Nerang di Pahang berdepan masa suram berikutan perlombongan bauksit di kawasan berkenaan.

Dr Maketab Mohamed berkata perlombongan bauksit di kawasan itu menghasilkan kromium yang beracun dan boleh merosakkan tanaman kelapa sawit di kawasan FELDA terbabit.

Sementara itu, bercakap mengenai perkembangan lain, Wan Junaidi berkata sikap kurang kesedaran dan tanggungjawab sosial dalam kalangan orang ramai, untuk memelihara dan melindungi sungai, menyumbang kepada

peningkatan pencemaran sungai di negara ini.

Katanya, insiden pencemaran sungai meningkat sebanyak sembilan peratus pada 2014, berbanding lima peratus pada 2013.

Terdahulu, Wan Junaidi dianugerahkan Profesor Penyelidikan oleh University of Seoul dalam bidang alam sekitar atas usaha cemerlang dan sumbangan beliau dalam menangani masalah jerebu tahun lepas. — Bernama